

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN SARANAN

#### 5.0 Pendahuluan

Bab ini adalah kesimpulan daripada perbincangan di dalam bab-bab sebelumnya. Merujuk kepada permasalahan dan objektif kajian yang ingin dicapai, terdapat beberapa kesimpulan dan saranan dikemukakan untuk diambil perhatian oleh semua pihak yang berwajib.

#### 5.1 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penulis merumuskan bahawa hukum zakat pertanian di Malaysia berdasarkan fatwa sama ada berstatus warta atau sekadar keputusan yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Keseluruhan negeri di Malaysia hanya menghadkan fatwa zakat pertanian ke atas hasil tanaman padi dengan memakai *qaul* muktamad mazhab Syāfi`e iaitu mengenakan zakat ke atas makanan asasi sesuatu negeri, termasuk negeri Perlis yang pada dasarnya tidak terikat dengan sesuatu pendapat sahaja dalam penetapan sesuatu hukum fatwa.

Hakikatnya, metode penetapan sesuatu fatwa di Malaysia tidak hanya bertaqlid semata-mata kepada *qaul* muktamad mazhab Syāfi`e, malah sepertimana peruntukkan di dalam seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan seksyen 39 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 membenarkan (transformasi) sesuatu hukum, sama ada diharuskan *talfiq* kepada mazhab-mazhab muktabar yang lain, ataupun dibenarkan berijtihad tanpa terikat kepada sebarang mazhab tertentu berasaskan faktor *maṣlahah* dan kepentingan awam.

Transformasi hukum yang dimaksudkan adalah berasaskan *maqāṣid syarī`ah* dengan melihat kepada nilai semasa, setempat, `urf dan *maṣlahah*. Ini kerana kemungkinan pandangan atau fatwa yang pernah diputuskan hanya sesuai untuk zaman dan keadaan masa itu dan tidak sesuai dengan perkembangan keperluan *ḍarurī* semasa manusia iaitu *ḍarūriyyāt* meliputi pemeliharaan *maṣlahah* agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Oleh itu, *Maqāṣid syarī`ah* dalam memperluaskan hasil zakat tanaman kepada tanaman komersial yang lebih menguntungkan di Malaysia seperti tanaman kelapa sawit, getah dan kelapa berdasarkan dalil yang digunakan oleh Imam Ḥanafī yang bertepatan dengan keumuman *naṣ* sepertimana yang telah dibahasakan oleh Yusuf al-Qarḍāwī. *Maqāṣid* perluasan hasil zakat pertanian ini disebabkan terdapatnya unsur kekayaan, subur dan menguntungkan para asnaf, berdasarkan statistik ekonomi pertanian semasa Malaysia 2006-2011. Begitu juga, analisa daripada persepsi masyarakat dan responden kajian melihat kewajaran memperluaskan hasil zakat tanaman selain daripada tanaman padi sahaja.

Isu kedua ialah *maqāṣid* penolakan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman. Di Selangor zakat tanaman dikenakan ke atas hasil kasar sahaja, berbanding di negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu zakat tanaman dikenakan selepas ditolak kos operasi. Di Perlis secara rasminya membenarkan penolakan kos operasi dan kos sara diri.

Objektif utama zakat adalah mengambil daripada orang berada lalu diberikan kepada golongan miskin. Kos operasi yang tinggi terpaksa ditanggung oleh para petani iaitu 50% daripada hasil pendapatan kasar di samping kupon subsidi yang diterima juga dikira sebagai pendapatan kasar petani. Manakala kewajaran penolakan sara diri *had kifāyah* bagi memelihara keperluan asasi *ḍarūriyyāt* diri petani dan tanggungannya terdiri daripada penyediaan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan. Jika kos-

kos ini tidak ditolak akan mendatangkan *mafsadah* kepada ekonomi petani iaitu tergolong di bawah pendapatan garis kemiskinan PGK, impak negatifnya juga kepada keturunan *nasl* dan perkembangan akal.

## **5.2 Saranan**

### **5.2.1 Saranan Dalam Aspek Pentadbiran Zakat**

#### **a) Taksiran Zakat Pertanian Semasa**

Badan yang telah diamanahkan dalam pentadbiran dan pengeluaran fatwa seperti Baitulmal Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Negeri perlu menilai semula hukum yang pernah diputuskan dan dianalisis dari semasa ke semasa agar bersesuaian dengan *maqāṣid* semasa. Hal ini kerana kemungkinan fatwa yang telah diwartakan hanya bersesuaian dengan keadaan semasa dan setempat ketika itu sahaja. Antara isu-isu yang perlu diberi perhatian dalam kes zakat pertanian ini adalah:

##### **i. Terminologi Zakat Pertanian Semasa**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terminologi zakat pertanian berbeza di setiap negeri, walaupun kesemua negeri di Malaysia berpegang kepada *qaul* mazhab Syāfi`e dalam menetapkan skop zakat pertanian. Tafsiran secara istilah yang digunakan terlalu umum berdasarkan dalil daripada surah al-Baqarah 2:267 dan pendapat mazhab Syāfi`e yang menghadkan kepada makanan asasi iaitu tanaman padi di Malaysia sepertimana amalannya di Lembaga Zakat Selangor, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Tabung Baitulmal Sarawak.

Justeru penulis mencadangkan Pegawai Penyelidikan Syarak setiap negeri membangunkan sistem garis panduan tafsiran setiap istilah jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat dan juga kelapan-lapan asnaf yang berhak mendapat zakat bersesuaian dengan keadaan semasa dan setempat sepertimana aplikasinya di dalam perundangan yang mempunyai interpretasi semasa. Implikasinya *modus operandi* pelaksanaan pengurusan kutipan dan agihan zakat akan selari dengan definisi yang ditetapkan dan ini akan memudahkan pegawai zakat dalam mengorak langkah dengan lebih produktif.

#### ii. Ketetapan Kadar Zakat Pertanian Berdasarkan Setempat (Lokaliti)

Di Malaysia terdapat tiga kepelbagaian dalam ketetapan kadar zakat pertanian. Pertamanya, hanya mengenakan kadar tunggal sepertimana aplikasinya di Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dengan masing-masing mengenakan dengan kadar 5% dan 10%. Keduanya, negeri-negeri yang mengambil pendapat *ṣarīh* hadith Ibnu `Umar dan hadith Mu`az dengan memberi pilihan berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan sepertimana amalan di MAIDAM dan Baitulmal MAIPs. Ketiga adalah di TBS yang menggunakan kaedah alternatif ketiga iaitu 7.5% bersumberkan pendapat Ibnu Qudāmah.

Ketetapan kadar zakat pertanian di atas berdasarkan keadaan setempat berfaktor jenis saluran lokaliti yang digunakan sama ada menggunakan jentera moden dan saluran air tradisional dan geografi setempat seperti di Sarawak yang berbukit bukau yang mengehendkan penggunaan teknologi saluran. Walaupun begitu, penulis menyarankan agar penilaian hukum pengairan ini dikaji dari semasa ke semasa disebabkan perkembangan teknologi pengairan. Sinergi di antara pihak Baitulmal, Jabatan Pengairan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Negeri perlu dipererat lagi demi *maṣlahah* dan kerelevanan semasa sesuatu hukum zakat pertanian.

iii. Kadar Nisab 5 *Awsuq* Berdasarkan Timbangan Metrik Semasa.

Di Malaysia kesemua negeri berpegang dengan pendapat jumur ulama dengan mengenakan nisab dengan kadar 5 *awsuq*. Namun berdasarkan penganalisisan penulis mendapati terdapat ketidakselarasan dengan tiga kepelbagaian kadar gantang Malaysia iaitu 363 gantang, 375 gantang dan 400 gantang. Begitu juga dengan kepelbagaian takaran kilogram iaitu 987kg, 1080kg, 1300kg dan 1306kg.

Kepelbagaian ini jelas disebabkan oleh timbangan tradisional lokaliti yang masih digunakan seperti pasuk, kunca dan naleh. Oleh itu dicadangkan menggunakan kaedah timbangan metrik yang moden seperti penimbang jenis 'digital' yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dipraktikkan bagi memastikan ketepatan timbangan menyamai 5 *awsuq* atau 300 gantang baqhdad kepada takaran gantang Malaysia. Sepertimana penilaian yang dilakukan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia membincangkan cara penetapan harga zakat fitrah seluruh Malaysia dinilai dari semasa ke semasa.

## **b) Penambahbaikan Dalam Aspek Pentadbiran**

i. Mewujudkan Panel Kajian Syariah (Penyelidikan R&D).

Disarankan diwujudkan Panel Kajian Syariah bagi melakukan penyelidikan terkini berasaskan nilai semasa dan setempat di setiap Baitulmal Negeri sebelum dipanjangkan kepada pihak Jabatan Mufti Negeri. Bagi menjamin sesuatu kajian itu bersifat semasa dan berfokus dicadangkan setiap jenis harta dikaji oleh seorang (*Person Incharge*) dengan pelantikan pegawai zakat yang kompeten agar menilai perkembangan terkini perluasan harta, taksiran dan definisi semasa. Panel Kajian Syariah ini perlu diketuai oleh ulama-ulama atau pakar dalam bidang zakat dan perjumpaan bulanan ditetapkan bagi membincang

isu atau mendapat sebarang *taujihāt*. Sinergi antara pihak baitulmal dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga sangat perlu bagi melakukan kajian yang lebih mendalam teoretikal mahupun empirikal melibatkan isu-isu zakat kontemporari.

### 5.2.2 Saranan Dalam Aspek Perundangan

i. Keluasan Berpegang Kepada Pendapat Mana-mana Mazhab Berdasarkan *Maṣlahah*. Pihak Jawatankuasa Fatwa seharusnya mengoptimumkan peluang yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dengan mengambil *qaul-qaul* muktamad daripada mazhab muktabar yang lain jika melibatkan *maṣlahah* dan kepentingan umum agar sesuatu hukum itu lebih praktikal pada zaman globalisasi ini.

Kesesuaian bertaqlid kepada satu mazhab sahaja, hakikatnya tidak bertempat di sisi syarak kerana boleh sahaja pendapat dalam sesuatu mazhab itu betul atau salah sehingga membantutkan keanjalan Syariat Islam itu sendiri dan memberi pandangan negatif bahawa hukum Islam bersifat jumud dan tidak relevan pada setiap masa dan zaman.

ii. Penilaian Fatwa Zakat Perlu Dinilai Dari Semasa Ke Semasa. Penilaian sesuatu fatwa yang telah diputuskan perlu dinilai semula dari semasa ke semasa sepertimana peruntukan di dalam seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAI) dengan memberi bidang kuasa kepada Jawatankuasa Fatwa dalam meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan sesuatu fatwa dari semasa ke semasa. Namun, amalannya di Malaysia sesuatu fatwa yang pernah diputuskan tidak dinilai semula, kecuali jika ia menjadi isu kontroversi sepertimana termaktub di bawah seksyen 47 EPAI. Hal ini perlu diatasi segera kerana mengeluarkan sesuatu fatwa yang bersifat *ad-hoc* akan mengakibatkan sesuatu fatwa itu tidak menepati *maqāṣid* semasa yang kemungkinan hanya

relevan pada masa dan ketika isu kontroversi itu timbul dan demi kepentingan sesetengah pihak sahaja.

Jika sesuatu isu atau dasar melibatkan kepentingan nasional menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana jabatan hendaklah dicadangkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) di bawah seksyen 51 EPAI. Apabila sesuatu fatwa itu telah diwartakan, Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah menerima pakai syor atau nasihat JFK sepertimana di bawah seksyen 52 EPAI. Namun hakikatnya penerimaan syor JFK ini dipolemikkan di peringkat negeri dan tidak mengambil saranan ini untuk diwartakan sepertimana isu penetapan harga zakat fitrah yang telah diputuskan oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 dengan menetapkan harga zakat fitrah berdasarkan berat segantang beras di Semenanjung 2.6kg, manakala di Sabah dan Sarawak seberat 2.7kg. Amalannya di negeri-negeri berbeza dengan menetapkan kadar masing-masing, kecuali di Terengganu dengan mengambil saranan ini untuk dikuatkuasakan pada tahun 2012. Ini jelas memperlihatkan keupayaan JFK untuk menangani isu-isu nasional diragui di peringkat negeri. Disarankan agar penambahbaikan sistem pentadbiran fatwa ini dengan memberi mandat yang lebih besar kepada JFK dalam menguatkuasakan fatwa yang telah diwartakan di seluruh Malaysia demi menjaga kemaslahatan perpaduan umat Islam di Malaysia.

### iii. Bidang kuasa Dalam Penetapan Hukum

Objektif penubuhan Baitulmal adalah untuk memperkasa pengurusan institusi zakat, memaksimumkan potensi kutipan zakat, menangani dan membasmi kemiskinan, meningkatkan syiar Islam dan membangunkan sosioekonomi ummah. Manakala segala

hukum hakam zakat bersumberkan fatwa yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Negeri.

Namun, persoalan mengenai autoriti sesuatu dasar disangsi sama ada Jabatan Mufti mempunyai bidang kuasa sepenuhnya terhadap hukum hakam zakat atau diberikan sedikit kelonggaran membuat peraturan kepada Baitulmal. Misalnya timbul persoalan sama ada hukum-hakam berkenaan zakat diputuskan di peringkat Baitulmal MAINs (Perlis) sahaja di bawah Peraturan 72B (1), Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, tanpa mengambil pandangan daripada Jabatan Mufti Negeri Perlis. Tindakan ini akan terdedah kepada keputusan yang diputuskan di peringkat bahagian Baitulmal sahaja *ultra virus*. Ini kerana, berdasarkan temu bual bersama Timbalan Mufti Perlis hukum zakat pertanian diputuskan pada tahun 1980an dan sehingga kini (tahun 2012) masih belum dibuat penilaian semula. Akan tetapi pihak Baitulmal telah meminda kadar nisab daripada 986.7kg kepada 1300kg tanpa pengetahuan pihak Jabatan Mufti Perlis.

Oleh itu, penulis mencadangkan agar terdapat ketetapan khusus di dalam EPAI berkenaan bidang kuasa menggubal sesuatu hukum mengenai zakat. Misalnya segala dasar yang menyentuh hukum syarak terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Mufti dan kaedah perlaksanaannya terserah kepada kebijaksanaan pihak Baitulmal.

#### iv. Penambahbaikan Dokumentasi

Berdasarkan temu bual bersama pihak Mufti Negeri Sarawak, keputusan Jawatankuasa Fatwa berkenaan zakat pertanian masih mengaplikasikan hukum zakat padi yang lama dan tidak dapat dipastikan dokumentasi pewartaan hukum tersebut kerana masalah dokumentasi atas alasan kebanyakan pegawai adalah baru.

Begitu juga, kegagalan penulis dalam mendapatkan statistik perolehan zakat padi dari tahun 2006-2010 daripada bahagian akauntan Baitulmal kerana perolehan kutipan



sebelum dari tahun 2011 hanya direkodkan secara manual di dalam buku, oleh itu sukar bagi pihak Baitulmal MAIPs untuk menyemak semula dan menyediakan kepada penulis.

Saranan penulis agar segala minit mesyuarat, laporan-laporan rasmi dan kertas kerja perlu didokumentasikan secara sistematik dan kegagalan berbuat demikian akan menyukarkan pihak-pihak terkemudian untuk menyemak semula untuk mengaudit sistem pentadbiran semasa.

## **2. Saranan Dalam Aspek Masyarakat**

### **a) Kefahaman Dan Kesedaran Berkenaan Ilmu Zakat Pertanian**

Masyarakat perlu difahamkan akan kepentingan syariat berzakat dengan menjelaskan hikmah-hikmahnya. Penyebaran maklumat ini dengan memanfaatkan perkembangan teknologi semasa dengan memuatkan maklumat-maklumat berkenaan dengan zakat disertakan dengan dalil-dalil yang *ṣahīh* di laman sesawang sepertimana yang telah dilakukan oleh kebanyakan negeri.

Gerakan dakwah juga perlu dipergiatkan lagi di kawasan-kawasan pendalaman, di jabatan-jabatan mahupun di kawasan-kawasan awam melalui ceramah, sebaran pamflet dan lain-lain bagi menanam nilai kepercayaan terhadap Baitulmal sebagai pemegang amanah dalam pengagihan kepada asnaf-asnaf, sepertimana yang sedang dibangunkan oleh Tabung Baitulmal Sarawak cawangan Sri Aman iaitu “Makmal Kaedah Pembayaran Zakat Pertanian 2012”.

### **b) Saranan Kepada Kakitangan Akademik Dan Pelajar Agar Melakukan Kajian Zakat.**

Disarankan agar kajian berkenaan zakat pertanian diteruskan dengan melihat kepada isu-isu semasa misalnya impak ekonomi pertanian kelapa sawit di FELDA dan tanaman getah FELCRA kepada perubahan hukum zakat pertanian. Kajian empirikal juga perlu

diperbanyak kepada negeri-negeri selain daripada batasan kajian penulis khususnya di Sabah disebabkan perbezaan struktur geografi, kepelbagaian kaum dan bagaimana *maqāṣīd* mengatasinya. Kerjasama di antara Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Saliran Negeri, MARDI dan jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung dengan pertanian perlu diperkukuhkan agar sesuatu hukum yang dikaji lebih bersifat holistik.